

**HELAIAN MAKLUMAT PRODUK**

Helaian Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama mengenai **Program PKS (Kemudahan Perdagangan)**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga disarankan untuk membacanya**. Untuk pakej Pinjaman Berjangka yang lain, sila rujuk laman web kami di [alliancebank.com.my](http://alliancebank.com.my).



TARIKH:

**1. What are these products about?**

- Program PKS ialah penyelesaian pembiayaan yang ditawarkan kepada pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk tujuan pengembangan perniagaan, pemerolehan aset, pembiayaan semula hartanah, perbelanjaan modal dan/atau modal kerja am. Program PKS disediakan dalam bentuk:-

**Penerimaan Jurubank (BA)** adalah pembiayaan untuk pembelian/jualan tempatan dan/atau import/eksport barangan.

**Surat Kredit (LC)** adalah untuk pembelian barangan import atau tempatan. Instrumen pembayaran yang memberi jaminan pembayaran kepada benefisiari (Penjual). Pemohon (Pembeli) diberi jaminan bahawa pembayaran hanya akan dilakukan selepas pengemukaan dokumen seperti ditetapkan yang mematuhi semua terma dan syarat dalam LC.

**Resit Amanah (TR)** membolehkan pengimport mengambil penghantaran barangan mereka sebelum pembayaran bil. Pengimport akan bertindak sebagai pemegang amanah kepada bank untuk menjual barangan bagi pihak bank dan hasil daripada jualan barangan tersebut akan dibayar balik kepada bank pada tarikh kemudiannya.

**Jaminan Perkapalan (SG)** surat indemnit yang dikeluarkan oleh Bank dan ditujukan kepada Syarikat Perkapalan atas arahan pengimport/pembeli (Pelanggan) untuk pelepasan barang tanpa pengemukaan Bil Muatan (BL) asal.

**Jaminan Bank (BG)** adalah aku janji yang dikeluarkan oleh bank atas permintaan pelanggan yang memihak kepada pihak ketiga (Benefisiari) untuk menjamin pembayaran jika keingkaran berlaku. Kami dapat membantu perniagaan anda dengan menyediakan bon prestasi untuk kontrak anda atau menjamin pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan anda.

*Nota:*

- Kemudahan Perdagangan boleh dipakejkan bersama Jaminan CGC/SJPP dan Dana BNM untuk PKS sebagai pilihan, bergantung kepada ciri skim, kelayakan dan penilaian kredit bank.
- TL, OD & IHP juga tersedia di bawah pakej Program PKS, sila rujuk PDS Program PKS (TL, OD & IHP) untuk maklumat lanjut.

**Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:**



Baca dan fahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Pastikan anda mampu membayar ansuran yang lebih tinggi sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

**2. Maklumat Utama dan Terma Pembayaran Balik****2.1 Terma Pembayaran Balik**

Jumlah pembiayaan sebenar, tempoh, kadar faedah/harga dan ciri-ciri produk lain yang akan disediakan oleh Bank adalah bergantung kepada penilaian kredit oleh Bank. Sila rujuk Kadar Pinjaman Asas (KPA) terkini di laman web kami di [alliancebank.com.my](http://alliancebank.com.my).

Jumlah pembiayaan untuk Program PKS (pada dasar agregat) ialah sehingga RM40 juta, tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.

| Jenis Kemudahan | Tempoh            | Kadar faedah/Harga                           | Terma Pembayaran Balik                                                                                                                                                                                     |
|-----------------|-------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>BA</b>       | Sehingga 150 hari | Sebut harga oleh Bank                        | Penyelesaian penuh jumlah prinsipal pada tarikh matang.                                                                                                                                                    |
| <b>LC</b>       | Sehingga 150 hari | Sebut harga oleh Bank                        | Penyelesaian penuh selepas penerimaan dokumen daripada bank perunding.                                                                                                                                     |
| <b>TR</b>       | Sehingga 150 hari | Dari KPA + 1.25% setahun (pengiraan bulanan) | Penyelesaian penuh jumlah prinsipal dan faedah pada tarikh matang. Bayaran sebahagian dibenarkan sepanjang tempoh.                                                                                         |
| <b>SG</b>       | Sehingga 150 hari | Sebut harga oleh Bank                        | Mesti ditebus dan dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan setelah menerima bil muatan asal.                                                                                                              |
| <b>BG</b>       | Sehingga 5 tahun  | Sebut harga oleh Bank                        | Sekiranya terdapat tuntutan di bawah BG yang dikeluarkan bagi pihak anda, Bank akan mendebit akaun anda untuk menyelesaikan tuntutan atau mengimbangi daripada margin tunai, mengikut mana yang berkenaan. |

**2.2 Yuran dan Caj**

- Duti Setem:- Seperti yang diperuntukkan dalam Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989)
- Yuran Jaminan CGC/SJPP:- Hanya terpakai sekiranya terdapat sebarang jaminan CGC/SJPP yang dipohon. Setelah jaminan CGC/SJPP dikeluarkan atau diperbaharui, yuran jaminan hendaklah dibayar oleh anda atau Bank, bergantung kepada pakej pinjaman dan ciri skim.

|           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>BA</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar Faedah:- Sebut harga oleh Bank. Faedah akan dikutip secara pendahuluan semasa pengeluaran (transaksi jualan) dan pada tarikh matang (transaksi belian).</li> <li>Komisen penerimaan mengikut persetujuan. Minimum RM100.00. Caj pos RM10. Caj penggabungan RM50.00 jika berkenaan. Caj Rentas jika berkenaan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <b>LC</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Komisen sebanyak 0.1% sebulan atau sebahagiannya ke atas jumlah LC. Minimum RM100.00 ditambah kos sebenar dan caj koresponden, jika ada. Caj pos RM10.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>TR</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah faedah akan ditentukan secara pendahuluan dan perlu dibayar semasa penyelesaian TR pada tarikh matang atau semasa penyelesaian sebahagian sebelum matang.</li> <li>Caj pos RM10.00. Caj Rentas jika berkenaan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>SG</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Komisen sebanyak 0.1% ke atas jumlah invoices. Minimum RM100.00 (LC) atau RM200.00 (bukan LC) ditambah caj pos RM5.00.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>BG</b> | <p><b>Pengeluaran BG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komisen: 0.1% hingga 0.15% sebulan atau sebahagiannya (bergantung kepada tempoh BG).</li> <li>Minimum: RM100.00 ditambah duti setem RM10.00 dan caj pos RM5.00.</li> <li>Caj pengendalian: RM100.00 jika berkenaan.</li> </ul> <p><b>Sebarang Pindaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Caj pengendalian: RM50.00 ditambah caj pos RM5.00.</li> </ul> <p><b>Pindaan untuk lanjutan BG/peningkatan jumlah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komisen tambahan untuk tempoh lanjutan/nilai tambahan. Minimum: RM50.00 ditambah caj pos RM5.00.</li> <li>Caj pengendalian: RM50.00</li> </ul> |

*Nota:- Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada Syarikat.*

**2.3 Terma Penyelesaian Awal**

- Tempoh terkunci dan penyelesaian awal:- Pembatalan tidak dibenarkan untuk 5 tahun pertama dari tarikh Kemudahan Perdagangan disediakan, jika tidak, kadar rata 5% akan dikenakan ke atas jumlah Kemudahan Perdagangan asal tertakluk kepada minimum RM5,000, yang mana lebih tinggi sekiranya penyelesaian penuh/pembatalan Kemudahan Perdagangan berlaku.
- Untuk Surat Kredit dan Jaminan Bank, pengesahan/persetujuan dari benefisiari mesti diperoleh sebelum pembatalan.
- Untuk Penerimaan Jurubank, penyelesaian adalah dibenarkan dengan syarat bank penerima ialah pembawa Penerimaan Jurubank.
- Untuk Resit Amanah, anda boleh melakukan penyelesaian penuh pada bila-bila masa semasa tempoh Resit Amanah. Jumlah keuntungan akan dikira semula berdasarkan tempoh yang dibiayai sahaja.

**3. Ketahui Risiko Anda**

- Kadar yang ditetapkan boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pinjaman Asas (KPA). Peningkatan dalam kadar boleh menyebabkan amaun pembayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.
- Jika anda tidak menunaikan kewajipan pembayaran balik anda, sebagai tambahan kepada jumlah tertunggak yang perlu dibayar, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap anda.
- Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pinjaman anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Anda boleh hubungi kami di mana-mana Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami.
- Bank berhak untuk tolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun deposit untuk menetapkan tunggakan dalam akaun pinjaman tanpa memberikan notis kepada Peminjam.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada) dan untuk menutup cagaran.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda dan ini akan menyebabkan kredit anda menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda.
- Jika gagal menunaikan kewajipan, kadar faedah tertunggak pada KPA + 3.50% ke atas jumlah tertunggak akan dikenakan bagi BA, LC, TR dan BG. Manakala bagi SG, jika SG tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran, komisen tambahan sebanyak 0.05% sebulan ke atas jumlah invoice selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh pemulangan SG (minimum RM50.00 sebulan ditambah caj pos RM5.00).
- Bagi kemudahan perdagangan, risiko lain termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko kegagalan pihak lawan, ketidakbayaran oleh pembeli, standard barangan yang dibeli tidak seperti dijangka, kegagalan penghantaran mungkin wujud.

**4. Terma Utama Lain****Keperluan Perlindungan Insurans**

- Penerimaan Bank / Resit Amanah: Perlindungan insurans sepenuhnya untuk barangan pada kos anda sendiri.
- Surat Kredit / Jaminan Perkapalan: Bergantung pada *incoterm* yang dirundingkan dalam kontrak jualan. Perlindungan insurans perlu diatur dengan sewajarnya untuk barangan di bawah LC. Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans untuk barangan mengikut *incoterm* yang dipersetujui dalam kontrak jualan.

**Keperluan Cagaran dan Penjamin**

- Cagaran: Hartanah/tanah/deposit mungkin diperlukan sebagai cagaran, tertakluk kepada tujuan pembiayaan dan penilaian kredit oleh Bank.
- Jaminan CGC/SJPP: Jaminan daripada CGC/SJPP boleh diambil sebagai sekuriti, tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh Bank.
- Penjamin: Penjamin diperlukan. Sebarang pengecualian tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh pihak Bank.

**5. Maklumat Hubungan**

- Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda atau anda memerlukan maklumat tambahan tentang kemudahan pembiayaan kami, anda boleh menghubungi pengurus hubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan atau Pusat Perniagaan Perbankan terdekat ([alliancebank.com.my/branch-locator](http://alliancebank.com.my/branch-locator)) atau hubungi kami di 1300-88-3233.

**Alliance Bank Malaysia Berhad**

Menara Alliance Bank  
159, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-80-3388 (Malaysia) +603-5624 3888 (Luar Negara)  
E-mel: [bbcc@alliancefg.com](mailto:bbcc@alliancefg.com)

**Waktu Operasi Cawangan**

| Semenanjung Malaysia                                                                           | Timur Malaysia               |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| Isnin-Jumaat: 9:15am hingga 4:15pm                                                             | Isnin-Jumaat: 9am hingga 4pm |
| Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup                                                                    |                              |
| Terminal Layan Diri (eLobby): 24 jam (kecuali Miri, Sinsuran dan Tawau – dari 6am hingga 12am) |                              |
| Waktu Penjelasan Cek: 4pm                                                                      |                              |

- Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Aras 5 dan 6,  
Menara Aras Raya  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2616 7766 Laman web: [akpk.org.my/smehelpdesk](http://akpk.org.my/smehelpdesk)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi link Bank Negara Malaysia di:  
Bank Negara Malaysia  
Aras 4, Podium Bangunan AICB  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465 Laman web: [bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

Maklumat yang diberikan dalam helaian maklumat ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. **Penafian:** Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit oleh Bank. Penghantaran Helaian maklumat produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA.**